


Sungai
Pengembaraan
oleh **Enid Blyton**



d

u

n

e

o

w

O

r

ld

FE
BLY

Sungai Pengembaraan

Enid Blyton



Penerbitan

HASRATPELAJAR

30A, Jalan Cemur,
50400 Kuala Lumpur.
Tel: 4414685

d

u

n

e

o

w

o

r

ld

HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari PENERBITAN HASRATPELAJAR, 30-A, Jalan Cemur, 50400 Kuala Lumpur.



Hakcipta Terpelihara 1988

ISBN 967-974-092-7

967-974-094-3

Dicetak di Malaysia oleh:
Percetakan Kum Sdn. Bhd.
3 Lorong 19/1-B, Petaling Jaya,
Selangor.

d

u

n

e

o

w

o

r

ld

KANDUNGAN

BAB

- 1 Tidak Disangka-sangka!
- 2 Mereka Pun Pergi!
- 3 Dunia Bahagian Mana?
- 4 Perjalanan Melalui Sungai
- 5 Pekan Waya
- 6 Pagi Yang Memeranjatkan
- 7 Tukang Sihir Ular Itu Lagi
- 8 Waktu Makan Tengah Hari
- 9 Malam Itu
- 10 Berita Baik Untuk Suma
- 11 Selepas Minum Teh
- 12 Balik Ke Bot
- 13 Encik Raya Uma
- 14 Keesokan Harinya
- 15 Peristiwa-peristiwa Luar Biasa
- 16 Pergi Di Dalam Gelap
- 17 Sungai Itu Sungguh Aneh
- 18 Banyak Perkara Yang Menyeronokkan
- 19 Apa Yang Sudah Terjadi?
- 20 Rahsia Itu Terbongkar
- 21 Pemandangan Yang Menakjubkan
- 22 Berjumpa Benda-benda Yang Aneh Dan Menakjubkan
- 23 Adakah Jalan Keluar?
- 24 "Tuhan-Tuhan Itu Datang!"
- 25 Apa Pula Ini?
- 26 Uma Mendapat Susah
- 27 Akhir Sebuah Pengembaraan

d

u

n

e

o

w

o

r

ld

BAB 1 Tidak Disangka-sangka!

"Pak Cik Bakar!" keempat-empat mereka menjerit dan melompat dari katil lalu berlari ke arah orang lelaki yang tinggi dan tegap di pintu itu. "Oh, Pak Cik Bakar. Pak cik datang! Kami tak dengar pun pak cik datang. Oh, Pak Cik Bakar!"

Pak Cik Bakar terus masuk ke dalam bilik itu dan duduk di atas katil Jalil. Kiki ketawa riang dan terbang ke bahu Pak Cik Bakar sambil menggigit-gigit telinganya perlahan-lahan. Mak Cik Lijah pun masuk juga sambil tersenyum girang.

"Apa ni, pak cik dengar ada empat orang pesakit yang malang!" kata Pak Cik Bakar sambil memeluk Laili dan Tinah. "Sekarang pak cik dah balik. Pak Cik tak mahu kamu semua bermalas-malas atas katil macam ini!"

"Kami akan bangun petang besok waktu minum teh," kata Laili. "Pak Cik Bakar, ke mana pak cik pergi? Cakaplah pada kami!"

"Maaf, tak boleh cakap," kata Encik Bakar.

"Jadi, ini rahsia sulitlah!" kata Tinah, hampa.

"Ya, begitulah!" kata Pak Cik Bakar.

d

u

n

e

o

w

o

r

ld

Kiki terbang turun ke lantai, sedih. "Kasih Kiki, kasihan Kiki," dia bersungut bersendirian dan menghilangkan diri di bawah katil. Di situ dia terjumpa sebelah kasut lama dan menghabiskan masanya selama setengah jam mematumatuk butang di kasut itu.

Tetapi lebih kurang pukul sembilan setengah, Laili menjadi pucat dan rebah di atas katil.

"Kita dah keterlaluhan!" kata Encik Bakar. "Pak cik lupa kamu semua dah sakit teruk. Mari, Laili, mari pak cik angkat kau ke katil mu! Tinah boleh kau berjalan ke bilikmu?"

Esoknya, doktor datang seperti biasa dan senang hati melihat keempat-empat budak itu. "Boleh bangun minum teh hari ini dan boleh keluar selepas sarapan besok paginya," katanya. "Lepas itu boleh berjalan seperti biasa."

"Bila mereka boleh pergi ke sekolah, doktor?" tanya Puan Halijah.

"Belum lagi," kata doktor. Ini membuat budak-budak itu gembira. "Mereka mesti pergi ke suatu tempat untuk memulihkan kesihatan mereka, sepuluh hari ataupun dua minggu, misalnya. Di satu tempat lapang dan bermatahari. Demam selesema mereka ini teruk. Mereka akan lemah sepanjang musim hujan ini kalau mereka tidak berehat di tempat lain."

"Tengoklah nanti," kata Pak Cik Bakar. "Saya boleh tolong uruskan mereka, doktor."

Mereka semua berbual-bual dengan gembira-

d

u

n

e

o

w

o

r

ld

nya hingga hampir terlupa akan demam selesema yang dialami.

"Baiklah," kata doktor itu. "Saya akan datang lagi pada hari Sabtu, cuma nak pastikan semuanya baik. Selamat tinggal!"

"Makan angin!" kata Tinah sebaik saja pintu ditutup. "Alangkah untungnya kita! Aku ingat kita semua terpaksa terus pergi ke sekolah!"

Pak Cik Bakar berbincang dengan Puan Halijah tentang apa yang patut dilakukan. "Besok dah bulan Oktober," kata Pak Cik Bakar, "ramalan cuaca tak berapa baik. Hujan serta angin dan kabus! Hawa kurang baik! Sayang, budak-budak tu tak dapat pergi ke seberang laut, Halijah."

"Mereka tak boleh ke seberang laut tanpa seorang pun bertanggungjawab menjaga mereka," kata Puan Halijah.

"Kita mesti cari satu tempat di pantai selatan dan hantar mereka ke situ!"

Tapi semua rancangan itu diubah dengan tiba-tiba. Pada malam Sabtu, sudah larut malam, telefon berbunyi, Pak Cik Bakar dan juga Kiki yang memang bertelinga lintah, terjaga. Dia mengajuk-ajuk bunyi telefon itu perlahan-lahan. Tapi budak-budak itu tidak terjaga. Dia menegakkan kepalanya dan cuba mendengar. Pak Cik Bakar bercakap perlahan-lahan.

Esok paginya Pak Cik Bakar tiada di waktu sarapan. Semua budak-budak itu berada di bawah hinggakan Laili pun turun awal-awal lagi untuk

d

u

n

e

o

w

o

r

ld

menolong menghidangkan sarapan. Semua kelihatan pucat dan agak tidak bermaya tapi mereka cukup riang dan tidak sabar-sabar menunggu kedatangan hari untuk pergi berehat itu. Walaupun tempat yang dipilih itu nampaknya tidak begitu menyeronokkan, iaitu sebuah kampung yang sunyi di tepi pantai.

"Mana Pak Cik Bakar?" tanya Tinah yang merasa hairan melihat kerusi Pak Cik Bakar kosong. "Dia pergi berjalan-jalan makan angin pagi-pagikah?"

"Tidak, dia terpaksa pergi tergesa-gesa tengah malam tadi," kata emaknya yang kelihatan sedih. "Dia dapat panggilan telefon. Kau tak sedar telefon berbunyi? Suatu perkara yang mustahak macam selalu dan sudah tentu nasihat Pak Cik Bakar sangat dikehendaki! Jadi dia pun terus pergi. Mak fikir dia akan balik pukul sebelas! Mak harap ini tidak bermakna yang dia mesti pergi lagi dan ghaib berminggu-minggu lamanya. Tak seronoklah kalau begitu kerana dia baru saja balik!"

Encik Bakar pulang lebih kurang pukul sebelas setengah dan menyimpan kereta. Dia menuju ke pintu di bahagian tengah rumah lalu budak-budak itu semua menerpanya.

"Pak Cik Bakar! Ke mana pak cik pergi? Pak Cik hendak pergi lagikah?" Tinah bertanya. "Lepaskan pak cik, hoi pacat-pacat semua!" kata Pak Cik Bakar sambil menolak-nolak mereka.

d

u

n

e

o

w

o

r

ld

"Mana emak engkau, Tinah?"

"Di bilik rehat," kata Tinah. "Cepatlah jumpa dan bercakap dengan dia. Kami pun nak dengar cerita pak cik."

Encik Bakar masuk ke bilik rehat dan menutup pintu itu dengan hati-hati. Keempat-empat orang budak itu memandang sesama sendiri.

"Aku yakin pak cik kena hantar atas tugas rahsia," kata Jalil dengan hati yang kurang senang. "Kasihlah Mak Cik Lijah, dia baru saja berharap nak bersama Pak Cik Bakar masa dia pergi berehat nanti!"

Sudah setengah jam lamanya tetapi perbincangan nampaknya masih berjalan di bilik rehat itu, perbincangan yang perlahan tapi bersungguh-sungguh. Kemudian pintu tiba-tiba terbuka dan Encik Bakar memetik jarinya memanggil budak-budak itu.

"Di mana kamu semua? Masuklah, kami dah berbincang."

Semua mereka masuk, Kiki seperti biasa di atas bahu Jalil, merungut-rungut sesuatu.

"Dengar sini," kata Encik Bakar bila semua budak-budak itu berada di dalam bilik dan masing-masing sudah pun duduk. "Pak Cik kena pergi lagi."

Semua orang mengeluh. "Oh, Pak Cik Bakar!" kata Laili. "Itulah yang kami takut-takutkan. Pak Cik baru saja balik."

"Ke mana pak cik nak pergi?" tanya Jalil.

d

u

n

e

o

w

o

r

ld

"Itu pak cik belum tahu lagi," kata Encik Bakar. "Tapi untuk pengetahuan secara ringkas dan ini mesti dirahsiakan, tau, pak cik kena pergi dan memerhati seorang lelaki yang disyaki oleh kerajaan kita. Mereka tak tahu apa sebenarnya akan dilakukan oleh orang ini. Boleh jadi tak ada apa-apa. Tapi kami hanya nak pastikan. Mereka suruh pak cik terbang ke luar negeri dan menghabiskan beberapa hari mengawasi orang itu dan mendapatkan maklumat."

"Boleh jadi pak cik pergi tak lama!" kata Faizul.

"Tak tahulah. Boleh jadi tiga empat hari, boleh jadi dua minggu," kata Pak Cik Bakar. "Tapi ada dua perkara mustahak satu, tak seorang pun yang mesti tahu yang pak cik di sana atas tujuan yang bersangkutan dengan kerajaan dan kedua, oleh kerana hawa di tempat pak cik nak pergi ni panas, pak cik rasa, eloklah kamu semua ikut pak cik!"

Mula-mula senyap sunyi saja. Selepas sahaja berita itu disampaikan, masing-masing memekik-mekik keseronokan. Laili menerkam dan memeluk Encik Bakar.

"Kami semua sekali! Mak Cik Lijah pun pergi! Amboi, seronoknya! Tapi bagaimana pak cik boleh bawa kami semua?"

"Yalah, kan pak cik kata tadi, tak seorang pun mesti sangka yang pak cik ini seorang penyiasat yang mengintip bersendirian," kata Encik Bakar. "Jadi, kalau pak cik pergi dengan keluarga,

d

u

n

e

o

w

o

r

ld